



KERAJAAN MALAYSIA

**Garis Panduan
Pelaksanaan Program
Pendayaan
Komuniti@UniMADANI
Kementerian Kewangan
Tahun 2025**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

1.	Tujuan	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Syarat dan Kriteria Permohonan Program	2
4.	Panduan Penyediaan Kertas Kerja Permohonan Program.....	3
5.	Kriteria Penilaian Permohonan Program	4
6.	Kelulusan Kementerian Kewangan	5
7.	Pemantauan dan Penilaian	5
8.	Pematuhan.....	6
Contoh : Projek 1 - Projek Ikan Bekok Oleh Komuniti Nelayan Di Tumpat, Kelantan.....		7

1. Tujuan

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan mengenai pelaksanaan Program Pendayaan Komuniti Kementerian Kewangan – Universiti Awam (**Komuniti@UniMADANI**) kepada Universiti Awam (UA) bagi melaksanakan program berorientasikan sosial yang dapat memberi impak positif kepada masyarakat merangkumi aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar.
- 1.2 Kaedah-kaedah dalam garis panduan ini telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (**MOF**) dan hendaklah digunakan dalam pelaksanaan program ini sahaja.

2. Latar Belakang

- 2.1 Misi utama program ini adalah untuk meningkatkan peranan UA dalam mendaya upaya komuniti seiring falsafah pembangunan Madani oleh Kerajaan. Bagi tahun 2025, YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan semasa menyampaikan Ucapan Belanjawan 2025 telah mengumumkan inisiatif untuk meningkatkan keupayaan dan pembangunan komuniti bersasar dengan merakamkan hasil penyelidikan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menerusi Program Komuniti@UniMADANI.
- 2.2 Objektif program
 - i. Melaksanakan program pembangunan komuniti berteraskan *social innovation* di mana ahli-ahli akademik dari pelbagai latar belakang keilmuan akan berkongsi kepakaran dan memberikan bimbingan bagi membantu komuniti dalam meningkatkan nilai dan taraf komuniti setempat;
 - ii. Memperbanyakkan interaksi dan keterlibatan antara UA dan masyarakat agar manfaat dan sumbangan UA dapat benar-benar dirasakan masyarakat setempat; dan
 - iii. Meningkatkan keberadaan UA di kalangan masyarakat dengan memberi manfaat secara langsung dan tidak langsung melalui program ini.
- 2.3 Program ini dijangka mampu merealisasikan antara 6 Nilai Teras Malaysia MADANI seperti berikut:
 - i. Teras 1: Kemampanan;
 - ii. Teras 2: Kesejahteraan;
 - iii. Teras 3: Hormat;
 - iv. Teras 4: Daya Cipta;
 - v. Teras 5: Keyakinan; dan
 - vi. Teras 6: Ihsan.

3. Syarat dan Kriteria Permohonan Program

- 3.1 Program ini hanya akan dilaksanakan oleh UA sahaja.
- 3.2 Program ini merupakan pembangunan komuniti melibatkan penglibatan UA untuk membangun daya masyarakat melalui perkongsian kepakaran dan sebagainya.
- 3.3 Semua program yang dirancang hendaklah dilaksanakan dalam tahun 2025 sahaja.
- 3.4 Peruntukan yang layak dimohon meliputi:
 - i. Perolehan harta modal seperti mesin dan peralatan;
 - ii. Kos makan dan minum dengan mematuhi tatacara kewangan sedia ada;
 - iii. Perolehan bahan mentah untuk program (*one-off*);
 - iv. Yuran kursus terhad kepada 10% daripada keseluruhan kos projek;
 - v. Kos *overhead* seperti pembungkusan, pengiklanan dan pemasaran;
 - vi. Bayaran honorarium kepada pasukan projek termasuk pensyarah dan pelajar dihadkan kepada 6% daripada kos projek agar impak maksimum dapat dimanfaatkan oleh komuniti;
 - vii. Program rawatan perubatan bersama masyarakat; dan
 - viii. Lain-lain kos tertakluk kepada kelulusan MOF.
- 3.5 Peruntukan yang **tidak layak** dimohon meliputi :
 - i. Penganjuran kursus berskala besar;
 - ii. Bayaran upah *research assistant* dan konsultasi kepada pasukan projek atau kakitangan UA;
 - iii. Bayaran fi perkhidmatan kepada anak syarikat universiti dan jabatan/fakulti;
 - iv. Tambang menghadiri persidangan, pembentangan kertas kerja, kos penerbitan ilmiah termasuk jurnal dan alih bahasa, bayaran hadiah tunai, elaun kepada peserta, majlis perasmian atau penutupan secara besar-besaran termasuk sumbangan saguhati kepada VIP, bayaran videographer, baju peserta dan perbelanjaan luar jangka;
 - v. Tiada penglibatan atau sumbangan kepakaran UA secara langsung kepada komuniti. Contohnya UA hanya bertindak sebagai penghubung atau orang tengah antara komuniti dan pihak ketiga;
 - vi. Projek yang berbentuk kajian penyelidikan yang kurang jelas manfaat langsungnya kepada peningkatan sosio ekonomi komuniti; dan
 - vii. Lain-lain kos yang ditetapkan MOF.

3.6 Kaedah pelaksanaan program adalah seperti berikut:

- i. UA perlu membida peruntukan bagi program ini melalui wakil MOF dalam Lembaga Pengarah Universiti (LPU) masing-masing terhad kepada kos RM600 ribu per universiti. UA boleh melaksana lebih daripada satu program;
- ii. UA yang telah menerima peruntukan hendaklah memastikan projek dilaksanakan dengan seberapa segera dan mematuhi peraturan-peraturan kewangan sedia ada;
- iii. Sekiranya terdapat sebarang penjimatan daripada program ini, UA tidak dibenarkan membuat pindah peruntukan bagi menampung perbelanjaan operasi atau lain-lain;
- iv. Penggunaan jata/logo MOF tidak dibenarkan bagi sebarang tujuan komersial. Contohnya label produk; dan
- v. Permohonan yang lengkap serta mematuhi syarat dan kriteria hendaklah dikemukakan oleh wakil UA MOF dalam LPU kepada Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun (SBM, MOF) selewat-lewatnya pada 20 Februari 2025.

4. Panduan Penyediaan Kertas Kerja Permohonan Program

Pemohon hendaklah mengemukakan kertas kerja yang ringkas dan padat berdasarkan format yang ditetapkan seperti berikut:

4.1 Tujuan

Ruangan ini hendaklah menyatakan tujuan permohonan dengan jelas iaitu untuk mendapatkan peruntukan bagi pelaksanaan program ini.

4.2 Maklumat Permohonan

Ruangan ini hendaklah mengandungi senarai program, ringkasan program, termasuk perincian peruntukan yang diperlukan bagi setiap program dan jumlah keseluruhan peruntukan yang dimohon.

4.3 Kesimpulan Dan Penutup

Pemohon perlu menyatakan matlamat utama memohon program Komuniti@UniMADANI dan rumusan bagi projek yang dimohon.

4.4 Lampiran

Ruangan ini mengandungi perincian setiap projek. Ianya perlu disediakan berdasarkan format di bawah. Pemohon juga boleh merujuk kepada format seperti di **Lampiran 1** garis panduan ini.

- i. Tujuan projek;
- ii. Justifikasi projek;
- iii. Kumpulan sasar;

- iv. Impak;
 - a. kepada kumpulan sasar (merangkumi impak sosial dan ekonomi);
 - b. kepada alam sekitar (sekiranya ada); dan
 - c. kepada kerajaan (sekiranya ada)
- v. Rakan kerjasama strategik (sekiranya ada);
- vi. Perincian peruntukan;
- vii. Perancangan pelaksanaan; dan
- viii. Pegawai atau individu yang bertanggungjawab.

5. Kriteria Penilaian Permohonan Program

5.1 Permohonan akan dinilai berdasarkan pematuhan kepada syarat dan kriteria permohonan seperti di **perenggan 3** dan kemampuan untuk mewujudkan impak seperti berikut:

- i. Impak Sosial
 - a. Peningkatan kualiti hidup golongan sasar; atau
 - b. Peningkatan ilmu dan kemahiran golongan sasar; atau
 - c. Mencapai sasaran *Sustainable Development Goals (SDG)* yang berkaitan antaranya seperti:
 - Matlamat 2: Kelaparan Sifar;
 - Matlamat 3: Kesihatan yang Baik dan Kesejahteraan; dan
 - Matlamat 4: Kualiti Pendidikan.
- ii. Impak Ekonomi
 - a. Peningkatan pendapatan dan taraf hidup golongan sasar;
 - b. Golongan sasar keluar dari garis kemiskinan; atau
 - c. Mencapai sasaran **SDG** yang berkaitan antaranya seperti:
 - Matlamat 1: Tiada Kemiskinan;
 - Matlamat 8: Pekerjaan Yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi; dan
 - Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan.
- iii. Impak Kepada Alam Sekitar
 - a. Mengaplikasikan teknologi hijau dalam proses pembuatan/ operasi;
 - b. Menggunakan semula (*re-use*) produk terpakai bagi menghasilkan produk baharu; atau
 - c. Mencapai sasaran **SDG** yang berkaitan antaranya seperti:
 - Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi;
 - Matlamat 12: Penggunaan dan Pengeluaran Yang Bertanggungjawab;
 - Matlamat 13: Tindakan iklim;
 - Matlamat 14: Kehidupan di Bawah Air; dan
 - Matlamat 15: Kehidupan di Darat.
- iv. Impak Kepada Kerajaan
 - a. Penjimatan kepada perbelanjaan Kerajaan.

6. Kelulusan Kementerian Kewangan

- 6.1 SBM, MOF akan memperhalusi permohonan dan meneliti permohonan yang diterima daripada UA dan memaklumkan keputusan permohonan.
- 6.2 **Jawatankuasa Penilaian** ditubuhkan untuk menilai dan meneliti permohonan yang diterima sebelum diangkat kepada pihak pengurusan tertinggi MOF. Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:
- i. Pengerusi : Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Dasar, SBM
 - ii. Pengerusi Ganti : Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Sosial, SBM; atau
: Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Ekonomi, SBM
 - iii. Ahli : Wakil Pegawai Seksyen D;
: Wakil Pegawai Seksyen S; dan
: Wakil Pegawai Seksyen E.
 - iv. Urusetia : Unit D1 dan S2
- 6.3 Program yang memenuhi kriteria seperti di **perenggan 3** dan diluluskan oleh MOF akan dimaklumkan secara bertulis. Penyaluran geran kepada UA yang berjaya akan dilaksanakan dalam tempoh 10 – 14 hari bekerja setelah menerima maklumat lengkap daripada UA.

7. Pemantauan dan Penilaian

- 7.1 UA perlu mengemukakan pelaporan bulanan kepada SBM, MOF selewat-lewatnya pada 5 haribulan pada bulan berikutnya.
- 7.2 Pemantauan dan penilaian program akan dijalankan oleh SBM, MOF sehingga program selesai dari tarikh penyaluran geran peruntukan dari **MOF**:-
- a. Memantau kemajuan pelaksanaan setiap projek supaya ianya berjalan lancar dan tidak lewat daripada perancangan; dan
 - b. Memantau pencapaian setiap projek supaya ianya mencapai impak seperti mana yang ditetapkan.

8. Pematuhan

- 8.1 Setiap UA yang telah menerima peruntukan daripada MOF hendaklah mematuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan oleh MOF termasuk tempoh penyempurnaan program selama dalam tahun semasa.
- 8.2 Peruntukan yang telah dilulus dan disalurkan kepada UA hendaklah digunakan dengan tujuan melaksanakan program yang telah diluluskan oleh MOF sahaja.
- 8.3 Sekiranya terdapat lebih peruntukan tahun 2024 setelah projek selesai dilaksanakan, lebih tersebut hendaklah dimaklumkan kepada MOF bagi tujuan pelaksanaan projek tahun berikutnya, tertakluk kepada kelulusan MOF. Sekiranya, Projek Komuniti@UniMadani tidak diteruskan, sebarang peruntukan yang tidak digunakan hendaklah dikembalikan kepada MOF.

**Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun
Kementerian Kewangan Malaysia
3 Februari 2025**

Contoh : Projek 1 - Projek Ikan Bekok Oleh Komuniti Nelayan Di Tumpat, Kelantan

Nama Universiti Awam	:	
Nama ALP MOF	:	

Bil.	Tajuk	Catatan
1.	Tujuan Projek	
2.	Justifikasi Projek	
3.	Kumpulan Sasar	
4.	Impak (i) Impak kepada Kumpulan Sasar (Merangkumi Impak Sosial & Ekonomi) (ii) Impak kepada Alam Sekitar (sekiranya ada) (iii) Impak kepada Kerajaan (sekiranya ada)	
5.	Rakan Kerjasama Strategik (sekiranya ada)	
6.	Perincian Peruntukan	
7.	Perancangan Pelaksanaan	
8.	Pegawai bertanggungjawab	Nama : Jawatan : Telefon : E-mel :